

Headline	PUSPAKOM perkenal 2 pusat khusus periksa kenderaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	31	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	238 cm ²
Journalist	Nur Fatin Mohd Satar	AdValue	RM 8,204
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,612



PUSPAKOM perkenal 2 pusat khusus periksa kenderaan

» Premis di Batu Caves untuk persendirian, Taman Bukit Maluri bagi teksi

Oleh Nur Fatin Mohd Satar

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) melaksanakan pengkhususan pemeriksaan kenderaan di dua pusat bagi mempercepatkan operasi perkhidmatan bermula 23 Mei depan.

Susulan itu, pusat pemeriksaan PUSPAKOM Batu Caves dikhususkan kepada pemeriksaan kenderaan persendirian, manakala di Taman Bukit Maluri pula dikhususkan kepada pemeriksaan teksi dan kenderaan perdagangan ringan

(BDM 5,999 kilogram ke bawah).

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shu-

kor Ismail, berkata pelaksanaan pengkhususan di cawangan berkenaan bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan untuk membuat pemeriksaan kenderaan.

“Kita mahu melancarkan urusan pemeriksaan kenderaan dan memberi keselesaan kepada pelanggan khususnya bagi pemilik kenderaan persendirian serta perdagangan ringan, pengusaha kereta terpakai, teksi dan komuniti sekitar.

Sedia empat lorong

“Malah, ia dapat mengurangkan masa menunggu mereka. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan PUSPAKOM meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan

kepada pelanggan,” katanya menerusi satu kenyataan di sini, semalam.

Katanya, kapasiti di pusat pemeriksaan PUSPAKOM Batu Caves akan meningkat sebanyak 67 peratus hasil daripada pengkhususan ini kerana penambahan dua lagi lorong pemeriksaan menjadikannya lima lorong.

Sementara itu, pusat pemeriksaan PUSPAKOM Taman Bukit Maluri turut mempunyai dua bahagian yang dikhususkan untuk pemeriksaan teksi dan kenderaan ringan dengan setiap satu bahagian mempunyai empat lorong.

“Dengan adanya perubahan pengkhususan ini, ia dapat meningkatkan produktiviti,

malah mengurangkan masa menunggu untuk memaksimumkan kapasiti pemeriksaan,” katanya

Mohammed Shukor berkata, cawangan pusat pemeriksaan PUSPAKOM lain di sekitar Lembah Klang masih menjalankan perkhidmatan seperti biasa iaitu di Petaling Jaya, Pandan Mewah, Bangi, Banting, Cheras, Glenmarie, Padang Jawa, Sungai Besar, Wangsa Maju dan Seremban.

Bagi mereka yang mahu mendapatkan maklumat lanjut, boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM 1 800 88 6927 atau e-mel dp.customer-service@puspakom.com.my atau layari laman sesawang www.puspakom.com.my.

Headline	PUSPAKOM perkenal 2 pusat khusus periksa kenderaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	31	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	238 cm²
Journalist	Nur Fatin Mohd Satar	AdValue	RM 8,204
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,612



Mohammed Shukor Ismail